



28 November 2013
28 November 2013
P.U. (A) 346

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 2) 2013

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 2) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 2) 2013**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 463/2013 yang disiarkan pada 12 November 2013, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) dan (2) Akta, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 2) 2013.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2013.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	(2) <i>Jalan arah yang dinyatakan</i>	(3) <i>Tempoh larangan</i>
<p>Sebahagian Jalan Pelabuhan Utara-Pelabuhan Barat (Laluan 180) bermula dari seksyen 0.00 sehingga seksyen 2.30 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	<p>1. Kenderaan dari Pelabuhan Barat ke Pelabuhan Utara hendaklah menggunakan—</p> <p>(a) Laluan Alternatif 1 iaitu sebahagian Lebuh Raya Pulau Indah (Laluan 181), Jalan Kem dan jalan menuju ke Pelabuhan Klang Utara (Jalan Vantooran) (Laluan 103);</p> <p>(b) Laluan Alternatif 2 iaitu sebahagian Lebuh Raya Pulau Indah (Laluan 181), Lebuh Raya Shah Alam (E5) keluar di Jalan Langat melalui Persiaran Tengku Ampuan Rahimah (Laluan 5), Persiaran Sultan Ibrahim, Lebuh Raya Persekutuan (Laluan 2) dan Lebuh Raya Selat Klang (E30); atau</p> <p>(c) Laluan Alternatif 3 iaitu sebahagian Lebuh Raya Pulau Indah (Laluan 181), Lebuh Raya Shah Alam (E5), Lebuh Raya Kemuning—Shah Alam (E13), Lebuh Raya Persekutuan (Laluan 2) dan Lebuh Raya Selat Klang (E30),</p> <p>sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	<p>1 Disember 2013 hingga 31 Disember 2014</p>

(1) <i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	(2) <i>Jalan arah yang dinyatakan</i>	(3) <i>Tempoh larangan</i>
	<p>2. Kenderaan dari Pelabuhan Utara ke Pelabuhan Barat hendaklah menggunakan—</p> <p>(a) Laluan Alternatif 1 iaitu Jalan menuju ke Pelabuhan Klang Utara (Jalan Vantooran) (Laluan 103), Jalan Kem dan Lebuh Raya Pulau Indah (Laluan 181);</p> <p>(b) Laluan Alternatif 2 iaitu Lebuh Raya Selat Klang (E30) Lebuh Raya Persekutuan, Persiaran Sultan Ibrahim (Laluan 2), Persiaran Tengku Ampuan Rahimah, Jalan Langat (Laluan 5), Lebuh Raya Shah Alam (E5) dan Lebuh Raya Pulau Indah (Laluan 181); atau</p> <p>(c) Laluan Alternatif 3 iaitu Lebuh Raya Selat Klang (E30), Lebuh Raya Persekutuan (Laluan 2), Lebuh Raya Kemuning—Shah Alam (E13), Lebuh Raya Shah Alam (E5) dan Lebuh Raya Pulau Indah (Laluan 181),</p>	<p>1 Disember 2013 hingga 31 Disember 2014</p>

sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua